

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 OKTOBER 2013 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	SK St. Fancis Melaka johan Cabaran Angkasa Kebangsaan 2013	Utusan Malaysia
2	Teruja berbual dengan angkasawan	Berita Harian
3	MIGHT hos dialog mengatasi cabaran kewangan industri aeroangkasa	Bernamea.com
4	Biogas efluen kelapa sawit pertama dunia	Utusan Malaysia
5	Perjanjian program Symbiosis MTDC, IPT	Harian Metro

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 10 OKTOBER 2013 (KHAMIS)

SK St. Francis Melaka johan Cabaran Angkasa Kebangsaan 2013

KUALA LUMPUR 9 Okt. - Cabaran Angkasa Kebangsaan 2013 Piala Perdana Menteri (NRC) mampu mendidik generasi muda terutama pelajar sekolah mendalami ilmu sains angkasa seterusnya melahirkan lebih ramai ahli sains dan angkasawan pada masa hadapan.

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Azlee Abu Bakar berkata, pendidikan sains dan teknologi perlu ditekankan bermula di peringkat awal supaya dapat memberi pendedahan yang lebih efektif kepada pelajar-pelajar sekolah rendah.

"Kita perlu mula dari peringkat sekolah rendah sebelum dibawa ke sekolah menengah seterusnya ke peringkat universiti. Kaedah seperti ini memberi manfaat kepada perkembangan pendidikan," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas majlis penyampaian hadiah kepada pemenang NRC di sini hari ini.

Dalam pertandingan itu, pelajar Sekolah Kebangsaan St. Francis Melaka, Justin Peter Royan dan Muhammad Nazhif Mohd. Shamsul masing-masing 11 tahun muncul juara pertandingan tersebut selepas mengatasi 30 peserta lain dari seluruh negara.

Kemenangan itu membolehkan mereka membawa pulang piala pusingan, sebuah Teleskop StarMax 127EQ Maksutov, dua buah plak, pingat emas, Space Puzzle, sijil kecemerlangan peserta dan sijil penghargaan guru.

Pertandingan selama dua hari anjuran ANGKASA dengan kerjasama Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan itu bertujuan mencungkil bakat dan memupuk minat dalam



JUSTIN Peter Royan (kiri) dan Muhammad Nazhif Mohd. Shamsul bersama trofi dan piala selepas muncul juara Cabaran Angkasa Kebangsaan 2013 Piala Perdana Menteri di Kuala Lumpur, semalam.

kalangan murid sekolah darjah empat dan lima terhadap bidang astronomi dan sains angkasa.

Mereka diuji dari sudut kerjasama dan komunikasi berpasukan serta pengetahuan dalam bidang

sains angkasa antaranya matahari, pembinaan roket, kapal angkasa, sut angkasawan dan teleskop.

Teruja berbual dengan angkasawan

»Pengalaman berharga beri peluang 20 murid SK Seri Suria lontar 20 soalan

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Seramai 20 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Suria, Puchong, dekat sini, memperoleh pengalaman sukar dilupakan apabila berpeluang berkomunikasi secara langsung dengan angkasawan di Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS), semalam.

Peluang selama 11 minit itu memberi kesempatan kepada murid terbabit bertanyakan 20 soalan kepada seorang angkasa-

wan berbangsa Itali dari Agensi Angkasa Eropah (ESA), Luca Parmitano, 37, menggunakan radio amatir.

Katanya, sepanjang sesi komunikasi yang bermula jam 5.31 hingga 5.42 petang itu, Luca menjawab setiap persoalan dikemukakan berhubung pengalaman dan kehidupannya di angkasa lepas.

Pengarah Pendidikan Sains Angkasa Planetarium Negara, Azreena Ahmad, berkata pihaknya membuat permohonan untuk membuat komunikasi secara langsung itu sejak dua tahun lalu, justeru peluang ini cukup membanggakan dan amat bermakna terutama kepada murid berkenaan.

"Ini sebahagian usaha kami memberi pendedahan kepada masyarakat berhubung keistimewaan angkasa lepas dan menggalakkan minat generasi muda, selain menambah tenaga mahir dalam bidang berkaitan," katanya ketika ditemui pada Program Komunikasi Secara Langsung dengan Ang-



Pelajar sekolah teruja berinteraksi bersama Parmitano yang berada di ISS pada Minggu Angkasa Lepas Dunia 2013 di Planetarium Negara, Kuala Lumpur, semalam. [FOTOBERNAMA]

kasawan Luca Parmitano di Planetarium Negara, di sini.

Sesi komunikasi dan sistem radio amatir itu diuruskan Pengendali Satelit Stesen Bumi, Sangat Singh dan Pengendali Bersama,

Sion Chow QC.

Antara soalan dikemukakan pada sesi komunikasi itu adalah 'adakah anda boleh berkomunikasi dengan mudah dan pada bila-bila masa dengan keluarga',

'adakah anda berpeluang sepanjang berada di angkasa lepas', 'adakah anda menjalankan kajian di angkasa lepas' serta 'sejauh mana anda perlu bergerak bagi mengatasi graviti'.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 10 OKTOBER 2013 (KHAMIS)



MIGHT Hos Dialog Mengatasi Cabaran Kewangan Industri Aeroangkasa

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (Might) Rabu menjadi tuan rumah dialog untuk mengatasi cabaran kewangan industri aeroangkasa, antaranya bersama institusi kewangan dan agensi kerajaan berkaitan.

Program berkenaan merupakan susulan kepada sesi dialog Dewan Perniagaan dan Perindustrian EU-Malaysia (EUMCCI) dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) pada 30 Julai lepas.

"Pada majlis berkenaan, para peserta bertukar-tukar maklumat dengan institusi awam, termasuk [Agensi Angkasa Negara](#), Malaysia Airports Holdings Bhd, MITI dan Unit Pengurusan dan Penyampaian Prestasi," demikian menurut Might dalam satu kenyataan hari ini.

Pada 2010, Might terlibat dalam merumuskan pakej insentif khas untuk industri aeroangkasa bersama-sama dengan Kementerian Kewangan dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti ke dalam negara serta mempromosikan pelaburan domestic langsung.

Might merupakan anggota EUMCCI.

-- BERNAMA

Kejayaan SIRIM cipta bahan bakar alternatif Biogas efluen kelapa sawit pertama dunia

Oleh HELMI MOHD. FOAD
pengarang@utusan.com.my

PULAU CAREY 8 Okt. - Usaha meningkatkan sumber tenaga diperbaharui yang boleh dibangunkan negara ini menampakkan hasilnya apabila **SIRIM Bhd. (SIRIM)** berjaya mengeluarkan biogas metana mirip gas asli (BioNG) pertama di dunia dihasilkan daripada efluen kelapa sawit.

Penghasilan biogas metana itu dilihat akan memberi impak besar kepada usaha pemeliharaan alam sekitar sekali gus menjadi alternatif kepada bahan bakar yang selama ini hanya tertumpu kepada kegunaan untuk penjaan tenaga elektrik.

Ketua Teknologi Tenaga Biomass, Pusat Penyelidikan Tenaga Diperbaharui SIRIM, Azhar Abdul Raof berkata, loji perintis penuenan biogas kepada biogas asli itu yang merupakan pertama dibangunkan di negara ini telah diuji berjaya sebagai bahan bakar kenderaan sama seperti dijanakan gas asli.

Beliau berkata, setakat ini ujian yang dilaksana menunjukkan biogas asli yang dihasilkan tidak mempunyai masalah dari segi teknologi dan mampu dikomersial pada masa akan datang sekali gus dapat menangani masalah kenaikan harga bahan bakar.

"Kita boleh katakan inilah adalah pencapaian pertama di dunia kerana setakat ini hanya Malaysia yang menghasilkan biogas metana daripada efluen kelapa sawit.

"BioNG didapati mempunyai kandungan karbon dioksida yang begitu rendah iaitu sekitar dua peratus dan ini mampu untuk membantu mengurangkan kadar



AZHAR Abdul Raof (kanan) berbincang sesuatu dengan Jamaliah Kamis sewaktu melawat tapak projek biogas di Pulau Carey, semalam.

pelepasan karbon dioksida yang pada masa ini 40 peratus daripadanya disumbangkan daripada sektor pengangkutan manakala selebihnya loji penjaan elektrik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* ketika melawat loji perintis biogas yang dibangunkan SIRIM bersama Sime Darby Research Sdn. Bhd. di kilang East Oil Mill milik Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengerusi SIRIM, Datuk Jamaliah Kamis.

Menurut Azhar, projek pengeluaran skala perintis biogas itu merupakan salah satu daripada 13 projek diluluskan Kementerian

Sains Teknologi dan Inovasi melalui skim Technofund sebanyak RM3 juta pada 2009.

"Projek perintis ini mampu menghasilkan 25 meter kubik biogas sejam dan sekiranya beroperasi secara berterusan 24 jam sehari, mampu membekalkan sehingga 40 tangki penuh kenderaan atau kereta setiap hari," katanya.

Azhar berkata, melalui kejayaan penghasilan biogas tersebut, pihaknya kini menumpukan kepada usaha pengumpulan data teknikal termasuk prestasi bahan bakar tersebut bagi kegunaan kenderaan selain kajian untuk kegunaan kenderaan yang menggunakan minyak diesel.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 55
TARIKH: 9 OKTOBER 2013 (RABU)

Perjanjian program Symbiosis MTDC, IPT

Serdang: Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) dijangka menandatangani perjanjian untuk program Symbiosis dengan dua lagi institusi pengajian tinggi (IPT) sebelum penghujung tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus berkata, melalui program berkenaan pihaknya turut menjangkakan penubuhan sehingga 30 syarikat permulaan yang membabitkan kira-kira 90 usahawan.

"Selain pembabitan IPT kami juga akan menjalin kerjasama dengan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Pihak berkuasa Pelaksanaan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCIA) melalui program Symbiosis yang memberi tumpuan kepada penghasilan produk inovasi berkaitan pembangunan wilayah koridor utara," katanya.

Sejak diperkenalkan pada 2008, MTDC berjaya menubuhkan lima kumpulan

Symbiosis iaitu Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) - MTDC Symbiosis, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) - MTDC Symbiosis, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) - MTDC Symbiosis, Universiti Putra Malaysia (UPM) - MTDC Symbiosis dan NCIA - MTDC - Universiti Sains Malaysia (USM) Symbiosis.

Secara keseluruhan, 47 syarikat ditubuhkan melalui program berkenaan bagi mengkomersialkan 47 teknologi yang dihasilkan daripada universiti dan pusat penyelidikan terpilih.

Menurutnya, pihaknya juga sedang dalam proses untuk meningkatkan jumlah syarikat yang menjana pendapatan sehingga RM100 juta mulai tahun depan.

"Buat masa ini, terdapat syarikat di bawah kelolaan MTDC yang mencapai pendapatan tahunan sehingga RM50 juta hasil usaha mereka memasarkan produk inovasi di pasaran tempatan dan antarabangsa.